"The younger generation must preserve this heritage or else, they could never know – much less, appreciate – the uniqueness of their own handicrafts, especially the handmade ones.

"This skill is important as most of handicrafts produced today are machine-made, and these machine-made crafts do not have the same uniqueness and value as those made by hand.

"Therefore, it is important for all the women here. Please pass down all your handicraft skills to the younger generation, or else, this traditional art could be gone forever," he said, adding that handmade crafts could be help the artisans earn extra income.

"For example, you can sell handicrafts online via Shopee, Lazada and other marketing platforms on the web," he said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN FINDS COBRA IN KITCHEN WHEN ABOUT TO PREPARE DINNER | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman finds cobra in kitchen when about to prepare dinner

**MIRI:** A woman in Taman Tunku was about to prepare dinner for her family on Thursday when she had the nasty surprise of finding a cobra in her kitchen.

In a statement, the Miri Civil Defence Force (APM) said the woman called for help at 7.10pm.

A team of four snake catchers was sent to the house.

"Upon arrival at 7.25pm, the team met with the 35-year-old complainant, who said that she saw something moving in her kitchen.

"Fearing for her family's safety, she alerted APM Miri for assistance to catch the snake," said the statement.

The team took just 17 minutes to locate and capture the cobra, measuring one and a half metres in length.

The 'uninvited guest' was later released back into its natural habitat.

The operation ended at 7.42pm.



APM's snake catchers show the cobra caught in the Taman Tunku house.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'HAVE RULES ON MINORS WHO VAPE' | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Have rules on minors who vape'

## Traders: Guidelines needed now to keep kids out of stores selling ecigarette

By BENJAMIN LEE
benlkh@thestar.com.my




**No law to protect them:** Students vape freely outside school and can be seen patronising shops selling vape products nearby. – FAIHAN GHANI/The Star (photo posed by models)

PETALING JAYA: Immediate guidelines and rules on selling vape products to children are needed, say groups representing ecigarette and vape traders.

Malaysian Organisation of Vape Entity president Samsul Kamal Ariffin said vape shops are finding it difficult to differentiate certain minors from adults due to the lack of legislation governing the law on vaping.

"Vape shops are forced to self-regulate to identify and prevent minors from buying nicotine-based vape products, which is challenging due to the lack of legal control tools.

"Shop assistants are not legally allowed to force a suspected minor to show their identification card to buy vape products. Only police are allowed to do so.

"Instead, shop assistants must depend solely on their own judgement or ask the customer to voluntarily prove their age before deciding whether to kick them out of the store.

"This can get very confusing as there are plenty of minors whose growth spurts make them look like adults while some legal adults look like they are still schooling, adding to the fact that adult-looking minors can easily lie about their age.

"Like in the recent viral video, we never get to see the supposedly young girl's face or stature, which could easily have resembled a young adult's," he said, referencing a recent viral video released by international news agency Al-Jazeera on July 16.

The video, part of a documentary on the rise of vaping, has since been widely shared online, with former health minister Khairy Jamaluddin commenting that Malaysia has become like a "Wild West" for vape products.

Samsul added that the government should consider developing temporary measures for vape shops until the Generational Endgame (GEG) Bill can be passed.

"We will continue to condemn vape shops that sell to minors openly and willingly. However, the government must either pass the GEG Bill as soon as possible or at least develop some guidelines for self-regulating vape shops to follow and enforce," he said.

Malaysia Vape Industry of Advocacy (MVIA) president Rizani Zakaria noted that the lack of regulation had resulted in an over-saturation of vape products; even non-vape stores are selling vape products.

"The issue now isn't just vape stores selling vape products, but that every other store and even restaurants are selling vapes due to the lack of regulation or control.

"With vapes usually placed right at the checkout counter and nearly every shop or mamak restaurant selling them, it increases the likelihood that young, curious students will begin vaping due to constant exposure."

He added that the supply of vape products also needs to be regulated to prevent oversupply in stores.

However, Consumers Association of Penang education officer NV Subbarow said that a direct, immediate ban will be more effective at curbing vaping among children.

"I have spoken to over 3,000 students below 12 years old that have begun vaping, and none of them said they had ever been asked for their particulars at any vape store," he revealed.

Half of the 3,000 students also said they sourced their vapes from online stores, which will remain untouched as any temporary vape sales laws or regulations will only target physical stores, he said.

"An immediate hard ban on all vape products has to be done to curb this excessive increase in vaping among children until the GEG is passed," he said.

Last year, the then health minister Khairy tabled the GEG Bill to ban tobacco sales to the generation born after 2007, which saw wide public and institutional support.

Passing the Bill has since been repeatedly delayed, with the date for the second reading of the bill still unknown as the Health Ministry awaits a report from the Parliamentary Special Select Committee on Health.

However, on April 1, the ministry decided to exempt nicotine liquids and gels as controlled substances under the Poisons Act 1952, allowing them to be sold on the open market and taxed.

The move resulted in a complete absence of government regulation on vaping, which has since been met with significant backlash by health experts and anti-smoking groups.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GRATEFUL TO REUNITE WITH HER KIDS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Grateful to reunite with her kids

## Mum freed of drug trafficking charge mindful of judge's advice on making new friends



**Devaki:** I am sad that my son was born when I was in prison, but at least I am now free.

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

**SEREMBAN:** A mother of four, who gave birth and raised her youngest child in jail pending her drug trafficking trial, has been freed by the High Court.

R. Devaki, who was five months' pregnant when she was detained for the alleged offence in 2021, said she would never forget the advice of the High Court judge to be extra careful when making new friends.

Earlier, judge Datin Rohani Ismail, in acquitting Devaki, ruled that the prosecution failed to establish a prima facie case against her.

"After perusing evidence by both parties and conducting a comprehensive assessment, the court hereby finds that the prosecution has failed to prove the charge against the accused," the judge said.

Devaki, 34, was charged with trafficking 237.8g of cannabis at a house in Bandar Dataran Segar in Port Dickson around 7.30pm on Aug 4, 2021.

She was charged under Section 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 and punishable under Section 39B (2) of the same legislation which carried the death sentence.

Rohani advised Devaki to take good care of her children and herself.

Devaki delivered her fourth child while incarcerated at the Sungai Udang prison in Melaka.

The boy, who was also brought to the court complex, is now 17 months old.

Devaki was represented by Haresh Mahadevan and Ramzani Idris while DPP Sharifah Maleeha Syed Hussin prosecuted.

When met outside the court, Devaki said the first thing she wished to do was to offer prayers for her release.

"I am sad that my son was born when I was in prison, but at least I am free now.

"Also, I will never forget the judge's advice (to be careful when making new friends)," she said.

She also thanked the court for giving her an earlier date for her case than scheduled.

According to the facts of the case, police found the drugs buried in the backyard of Devaki's rented home during a raid.

However, she denied having any knowledge about the drugs. Her husband then was working abroad. The couple has since divorced.

WATCH THE VIDEO TheStarTV.com

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PUPILS TRAUMATISED AFTERT TOILET MISHAP | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pupil traumatised after toilet mishap

By IVAN LOH
ivanloh@thestar.com.my

**IPOH:** A nine-year-old pupil is so fearful of having a ceramic toilet fall on her again that she wants a friend to accompany her to the school loo.

Nur Alisha Adawiyah Mohd Yusri, from SK Perpaduan, said she was scared after the falling cistern hit her head and shoulder.

"I'm a bit afraid now and I will ask a friend to accompany me," said the Year Three pupil when met at the school in Taman Perpaduan here yesterday.

The incident on Tuesday happened at a toilet on the third floor of the school about 4.30pm.

Recalling the incident, Nur Alisha said she had wanted to flush and had pulled on the rope handle.

"The tank then fell on me, and I was shocked.

"I was also in pain and cried out to the teachers for help," she said.

Her mother Nor Azizawati Ismail, 37, said she received a call from the school at about 5pm.

"I was shocked after the teacher told me that there was an incident involving my child and asked me to come," she said.

The housewife said she was also advised by the school to get her daughter medically examined.

"She seemed fine, while the X-ray also did not find anything unusual.

"There's only a small bump on her head and she went back to school on Thursday," she said.

Nor Azizawati said a police report had been lodged.

She also hopes the school would replace all the cisterns at the school with plastic ones.

"It's the first time I have heard of such an incident and I am worried that it might happen to other students," she added.

Meanwhile, Hulu Kinta assemblyman Muhamad Arafat Varisai Mahamad said he would discuss whether there was a need to replace the wall-mounted ceramic cisterns with those made of PVC, with the relevant authorities.

"The Public Works Department (JKR) has suggested fully securing the mount of the existing cisterns.

"The JKR says it is safe to secure up the cisterns but we will discuss again, to determine which one is safer," he said after visiting the school.

He added all the toilets for the pupils at the school are closed and the children would be using the teachers' toilet for the time being.

He pointed out that the cisterns at the teachers' toilet were made from PVC.

He noted that the toilet at the school was upgraded last year and would check with the supplier to see if there were issues with the hardware.

"The upgrade work costs about RM200,000, including 35 units of the toilet flushing system," he said.



**Painful encounter:** Nor Azizawati showing where the ceramic cistern fell on Nur Alisha at SK Perpaduan, Ipoh. — RONNIE CHIN/The Star

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EDAR DADAH: IBU EMPAT ANAK TERSELAMAT HUKUMAN GANTUNG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Edar dadah: Ibu empat anak terselamat hukuman gantung

## Pendakwaan gagal buktikan kes prima facie terhadap R. Devaki

**SEREMBAN:** Seorang suri rumah yang terpaksa melahir dan membesarkan anaknya sehingga berusia 17 bulan di penjara, terselamat dari hukuman gantung apabila Mahkamah Tinggi di sini semalam melepas dan membebaskannya daripada pertuduhan mengedar kanabis seberat 237.86 gram, dua tahun lepas.

Hakim Datin Rohani Ismail membuat keputusan itu, selepas pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh R. Devaki, 34, yang hamil lima bulan ketika ditahan pada 4 Ogos 2021, di akhir kes pendakwaan.

Dalam penghakimannya, Rohani berkata hasil penilaian daripada semua keterangan mendapati, pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pemilikan dan pengetahuan terhadap dadah yang ditemui.

> "Setelah mendengar penerangan daripada saksi dan pendakwaan serta selepas menimbangkan hujahan dikemukakan oleh kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan pendakwaan gagal membuktikan satu prima facie ke atas tertuduh, oleh itu, tertuduh dilepas dan dibebaskan tanpa perlu membela diri."
>
> **Hakim Datin Rohani Ismail**

"Setelah mendengar penerangan daripada saksi dan pendakwaan serta selepas menimbangkan hujahan dikemukakan oleh kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan pendakwaan gagal membuktikan satu prima facie ke atas tertuduh, oleh itu, tertuduh dilepas dan dibebaskan tanpa perlu membela diri," katanya.

Rohani turut menasihatkan Devaki yang juga ibu kepada empat anak itu, supaya menjaga diri dan berhati-hati ketika berkawan.

Mengikut pertuduhan, Devaki didakwa mengedar dadah jenis kanabis seberat 237.86 gram di sebuah rumah di Bandar Dataran Segar, Port Dickson pada 7.30 malam, 4 Ogos 2021.

Wanita itu didakwa mengikut Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta yang sama.

Seramai lapan saksi dipanggil memberi keterangan sepanjang perbicaraan yang bermula sejak 17 April lepas.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Sharifah Maleeha Syed Hussin, manakala tertuduh diwakili peguam Haresh Mahadevan, Ramzani Idris dan Wan Emyra Ismail.

Haresh ketika ditemui pemberita memaklumkan, tertuduh melahirkan seorang anak lelaki ketika berada di Penjara Sungai Udang, Melaka dan membesarkannya di situ sehingga berusia setahun tujuh bulan.

Sementara itu, Devaki melahirkan rasa kesyukuran kerana dibebaskan daripada tuduhan tersebut, selain akan menjadikan perkara itu sebagai iktibar. — Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JADIKAN KESEDARAN KESIHATAN MENTAL SEBAHAGIAN PELAJARAN DI SEKOLAH: TIANG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Jadikan kesedaran kesihatan mental sebahagian pelajaran di sekolah: Tiang

**SIBU:** Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Michael Tiang menyeru pihak sekolah supaya memberi kesedaran mengenai kesihatan mental untuk menjadi sebahagian daripada pelajaran kepada pelajar.

Berucap pada penutupan Literasi Kesihatan Mental Komuniti di Sekolah Menengah Wong Nai Siong semalam, beliau berkata kesihatan mental tidak mengira siapa kerana ia memberi kesan kepada semua orang tanpa mengira umur, latar belakang atau tahap pendapatan.

"Sebenarnya terdapat trend gangguan mental yang semakin meningkat dalam kalangan golongan muda dan pelajar. Menurut Kajian Mobiliti Kesihatan Kebangsaan Malaysia 2017, mereka telah menyelidik 30,000 pelajar sekolah menengah daripada pelbagai kaum.

"Kajian mendapati seorang daripada 10 pelajar mempunyai pemikiran untuk membunuh diri, seorang daripada lima pelajar mengalami kemurungan dan dua daripada lima pelajar mengalami kebimbangan. Sebab itu, ceramah kesedaran kesihatan mental amat diperlukan terutamanya di sekolah," ujarnya.



**KESEDARAN MENTAL: (Dari enam kiri) Lu, Tiang dan So bersama dengan ahli Lembaga Pengarah SM Wong Nai Siong dan pelajar pada majlis penutupan program Literasi Kesihatan Mental Komuniti, semalam.**

Tiang yang juga ADUN Pelawan berkata, sekolah tidak seharusnya hanya memberi tumpuan kepada kesihatan fizikal, tetapi juga pendidikan mental.

Beliau memberitahu, sekolah adalah rumah kedua pelajar, justeru adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong kepada kesihatan mental pelajar di sekolah.

"Jika pelajar menghadapi tekanan yang boleh menjejaskan kesihatan mental mereka dan apabila mereka datang ke sekolah dan ditekan untuk belajar bersungguh-sungguh, ditekan dengan peperiksaan dan tiada sesiapa yang mempedulikan kesihatan mental mereka, orang dewasa seperti saya juga akan terkesan," katanya.

Hadir sama pada majlis ialah pengetua sekolah Lu Yew Hiiung dan pengerusi Persatuan Kesihatan Mental Sibu merangkap pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JJKKK) Jalan Merdeka/Jalan Berjaya/Jalan Oya/Pearl Garden, Kapitan So Teck Kee.

Literasi Kesihatan Mental Komuniti telah dianjurkan oleh Persatuan Kesihatan Mental Sibu dan JKKK Jalan Merdeka/Jalan Berjaya/Jalan Oya/Pearl Garden.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MURID DITIMPA TANGKI PAM TANDAS MASIH TRAUMA, AKAN IKUTI KAUNSELING | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Murid ditimpa tangki pam tandas masih trauma, akan ikuti kaunseling

**IPOH:** Murid perempuan tahun tiga yang cedera ditimpa tangki pam tandas ketika menggunakannya di Sekolah Kebangsaan (SK) Perpaduan di sini pada Selasa lepas masih dalam keadaan trauma.

Nur Alisha Adawiyah Mohd Yusri, 9, berkata sehingga kini dia terpaksa meminta rakan di sekolah untuk menemaninya ketika pergi ke tandas kerana bimbang kemalangan sama berulang lagi.

"Semasa saya masuk ke tandas tidak nampak seperti pam itu rosak tetapi secara tiba-tiba ia jatuh dan terkena kepala saya.

"Sekarang saya takut untuk pergi ke tandas di sekolah sebab takut terjadi lagi," katanya ketika ditemui pemberita ketika lawatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kinta, Muhamad Arafat Varisai Mahamad bersama pihak Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Tambun di sekolah itu semalam.

Lawatan itu turut disertai Jabatan Kerja Raya (JKR) Kinta, Jabatan Pendidikan negeri serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru.



**SUMBANGAN:** Muhamad Arafat (kiri) menyampaikan sumbangan kepada Nur Alisha Adawiyah Mohd Yusri, 9, (tengah) yang cedera di kepala akibat dihempap pam tandas ketika menggunakannya pada Selasa lepas di Sekolah Kebangsaan (SK) Perpaduan Hulu Kinta, di Ipoh, semalam. — Gambar Bernama

Ibu murid itu, Nor Azizawati Ismail, 37, berkata satu laporan polis dibuat di Balai Polis Tambun pada 7 malam kelmarin mengenai kejadian dan keselamatan anak keempat daripada lima beradik berkenaan.

"Apabila menerima panggilan mengenai perkara menimpa Nur Alisha Adawiyah, saya segera mendapatkannya dan melihat dia menangis lalu membawanya ke Hospital Raja Permaisuri Bainun untuk pemeriksaan.

"Dia mengalami bengkak pada kiri kepala dan berasa sakit sehingga sekarang jadi diharapkan tiada murid lain yang terkena lagi," katanya.

Dalam pada itu, Muhamad Arafat Varisai yang merupakan ADUN di bawah Parlimen Tambun berkata sesi kaunseling akan diberikan oleh Kementerian Pendidikan kepada murid itu dalam masa terdekat.

Menurutnya semua tandas murid di sekolah itu ditutup buat sementara waktu dan mereka hanya dibenarkan menggunakan lapan tandas guru yang berada di sekitar bangunan sekolah.

"Saya sudah berhubung dengan pihak kementerian dan beberapa perkara akan dilakukan termasuk skim insurans berhubung insiden ini. Pusat Khidmat Parlimen dan DUN juga menyampaikan sumbangan semalam.

"Saya telah berbincang dengan JKR dan mereka mencadangkan untuk melakukan pemasangan pendakap pada tangki pam tandas seramik sedia ada supaya selamat digunakan namun perbincangan lanjut akan dibuat sama ada perlu menukarkan kepada penggunaan tangki pam jenis lain seperti plastik," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MYDIN TAWAR HARGA RAHMAH SEMPENA KEMPEN KASIH SAYANG 'IBU DAN SI MANJA' | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mydin tawar harga Rahmah sempena Kempen Kasih Sayang 'Ibu Dan Si Manja'




**KEMPEN KASIH SAYANG: Salahuddin (tengah) dan Pengarah Urusan Mydin, Datuk Wira (Dr) Haji Ameer Ali Mydin.**

**SUBANG JAYA:** Rangkaian pemborong dan peruncitan halal terbesar tempatan, Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) menawarkan pelbagai diskaun dan peraduan menarik bagi barangan bayi sempena Pelancaran Inisiatif Payung Rahmah 'Ibu Dan Si Manja' Bersama Mydin. Kempen ini telah dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub di Mydin USJ, Subang Jaya Selangor pada kelmarin (Khamis).

Sepanjang kempen ini berlangsung, pelanggan juga ditawarkan dengan penjimatan berjumlah sehingga RM600,000 bagi barangan keperluan bayi antaranya susu formula bayi dan lampin bayi pakai buang dan barangan lain bagi jenama terlibat seperti Abbott, Carrie Junior, Drypers,Diapex, Dugro, Dutch Lady, Fernleaf, Huggies, Milna, Molfix, MY DryFirst dan Nestle Cerelac. Kempen ini juga melibatkan pemberian pek ekonomi percuma bagi setiap pembelian susu formula bayi terpilih selama empat hari bermula 20 sehingga 23 Julai.

Ia turut menjanjikan penjimatan sehingga 50 peratus bagi Jualan Rahmah untuk barangan seperti pakaian, kerusi roda bayi, kereta sorong bayi, botol susu, barangan mandian bayi serta pelbagai lagi peralatan bayi. Turut ditawarkan pakej Rahmah barangan bayi pada harga serendah RM95 dan RM150.

"Mydin amat dekat dengan pelanggan khususnya golongan B40 dan amat memahami bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat saban hari. Justeru itu, kami menggerakkan inisiatif bersama rakan strategik kempen ini bagi menawarkan penjimatan kepada pelanggan khususnya golongan ibu bapa," kata Pengarah Urusan Mydin, Datuk Wira (Dr) Haji Ameer Ali Mydin.

Kempen ini melibatkan cawangan Pasar Raya Besar Mydin di Semenanjung Malaysia dan berlangsung sehingga 8 Ogos 2023.

"Bagi pelanggan yang mengimbas kod QR ketika pembelian, mereka juga layak mendapatkan kod diskaun sehingga RM15 bagi pembelian yang seterusnya. Pelanggan disarankan merebut peluang mengatur perbelanjaan melalui tawaran sepanjang kempen ini berlangsung," tambah Ameer.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PELAJAR PEREMPUAN JATUH BANGUNAN SEKOLAH SEDANG JALANI RAWATAN PSIKIATRI | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |


# Pelajar perempuan jatuh bangunan sekolah sedang jalani rawatan psikiatri

**MELAKA:** Pelajar perempuan tingkatan satu yang ditemui maut dipercayai terjatuh dari bangunan sebuah sekolah menengah di Durian Daun di sini kelmarin, sedang menjalani rawatan psikiatri di Hospital Muar, Johor.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri Datuk Rahmad Mariman berkata pelajar yang berasal dari Muar itu juga perlu makan dua jenis ubat penenang bagi merawat penyakit yang dihidapinya.

"Selain itu, pelajar terbabit juga telah dikenakan perintah pemulihan akhlak selama dua tahun di sebuah sekolah pemulihan akhlak di Melaka iaitu di Bukit Baru tetapi bersekolah di sebuah sekolah menengah di Durian Daun.

"Maklumat berkenaan diperoleh menerusi siasatan yang dijalankan pihak sekolah, Jabatan Pendidikan negeri (JPN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri sebaik kejadian berkenaan berlaku namun punca mangsa terjun masih belum diketahui tetapi mungkin dia mengalami halusinasi," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata jenazah pelajar terbabit telah diuruskan oleh pihak JPN dan asrama sebaik mungkin untuk dibawa dan dikebumikan di Tangkak, Johor semalam.

Kelmarin, media melaporkan seorang pelajar perempuan tingkatan satu ditemukan maut selepas dipercayai terjatuh dari tingkat dua bangunan sebuah sekolah menengah di Durian Daun, di sini kelmarin.

Mangsa ditemui oleh tukang kebun dalam keadaan terlungkup di kaki lima bangunan sekolah itu pada 2.31 petang kelmarin dan siasatan awal polis mendapati kelas mangsa berada di tingkat dua bangunan sekolah tiga tingkat itu. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMANDU AMBULANS DAN ANAK, MAUT DALAM KEMALANGAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pemandu ambulans dan anak, maut dalam kemalangan

**GUA MUSANG:** Dua beranak maut dan seorang cedera selepas kereta yang dinaiki mereka bertembung dengan sebuah lori muatan kayu di Kilometer 37 Jalan Gua Musang-Jeli, dalam kejadian kira-kira jam 6.15 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Gua Musang Supt Sik Choon Foo berkata, ekoran daripada pertembungan tersebut mangsa yang bekerja sebagai pemandu ambulans, Mohd Zuki Mohamed Ali, 55, bersama anaknya Muhammad Hasbullah, 15, maut di tempat kejadian, manakala seorang lagi anak mangsa, Muhamad Huzaifah, 18, mengalami kecederaan di dada.

"Siasatan awal mendapati mangsa bersama dua anak lelakinya dalam perjalanan dari arah Gua Musang menuju ke Jeli.

"Kenderaan mangsa dipercayai telah masuk ke laluan lori yang membawa muatan kayu dari arah bertentangan ketika melalui jalan yang sedikit berselekoh, menyebabkan kedua-dua kenderaan bertembung," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, kedua-dua mangsa yang meninggal dunia dan cedera dibawa ke Hospital Gua Musang manakala pemandu lori tidak mengalami sebarang kecederaan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana memandu secara melulu sehingga menyebabkan kematian," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMBENTUKAN TRIBUNAL BERKAITAN AKTA 840 DIMUKTAMAD HUJUNG TAHUN INI | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pembentukan tribunal berkaitan Akta 840 dimuktamad hujung tahun ini




**NOTIS PENTING:** Nancy dan Fatimah (dua kiri) menyampaikan notis antigangguan seksual kepada wakil organisasi pada majlis tersebut. — Gambar Penerangan

**KUCHING:** Pembentukan tribunal berkaitan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) akan dimuktamadkan sebelum hujung tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato Sri Nancy Shukri berkata, buat masa ini tribunal tersebut dalam proses lantikan melalui Jabatan Peguam Negara (AGC).

"Butiran terperinci mengenai tribunal ini akan dikongsikan nanti setelah lantikan tribunal dibuat.

"Saya tidak boleh bercakap bagi pihak tribunal, sebab tribunal dalam proses lantikan dan mereka yang akan mendengar kes," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan ucaptama Program Jerayawara Kasih@ Advokasi Antigangguan Seksual di Pusat Konvensyen Penview (PCC) di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Dato Sri Fatimah Abdullah.

Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 8 Oktober dan diwartakan 18 Oktober tahun lepas.

Akta ini antara tumpuan utama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi mengekang sebarang bentuk gangguan seksual dalam kalangan masyarakat.

Terdahulu dalam ucaptamanya, Nancy berkata statistik menunjukkan kes gangguan seksual meningkat daripada 378 kes pada 2020 kepada 506 kes pada 2021 melibatkan kedua-dua jantina.

Bagi negeri Sarawak katanya, pada tahun 2022, terdapat 16 kes gangguan seksual dilaporkan dengan 15 kes melibatkan wanita.

Sebab itu katanya, kementerian telah menggubal Akta 840 sebagai akta khusus untuk menangani kesalahan gangguan seksual.

Akta itu juga katanya, diharap dapat membantu mangsa untuk tampil melaporkan kejadian gangguan seksual supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Sarawak merupakan destinasi kedua bagi Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual sejak dilancarkan pada 19 Mei lalu.

Program itu akan dilaksanakan di seluruh negara bermula di Pulau Pinang pada 6 Julai lepas.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PWOUM SALURAN SERLAH POTENSI WANITA ORANG ULU | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# PWOUM saluran serlah potensi wanita Orang Ulu

**MIRI:** Persatuan Wanita Orang Ulu Miri (PWOUM) mampu menjadi platform dan saluran kepada wanita Orang Ulu memulakan dan menyebarkan mesej tentang pencapaian potensi dan keupayaan penuh mereka.

Kapitan Aries Leong berkata, usaha kerajaan negeri sekarang ialah mewujudkan masyarakat inklusif tanpa mengira jantina dan latar belakang.

"Ini bermakna memberi peluang sama rata kepada semua rakyat Sarawak tanpa mengira etnik, latar belakang agama, budaya atau jantina," ujarnya pada Majlis Makan Malam PWOUM di Eastwood Valley Golf and Country Club di sini, malam kelmarin.

Beliau hadir mewakili Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Datuk Sebastian Ting.

Leong berkata, terdapat wanita dilantik menjadi ketua masyarakat seperti penghulu dan pemanca.

Selain itu katanya, semakin ramai wanita menyandang jawatan penting dalam sektor awam dan swasta.

"Kita telah melihat bagaimana wanita berkembang dan menunjukkan diri mereka berkebolehan setanding dengan lelaki sama ada sebagai pemimpin dunia, industri atau peranan profesional," jelasnya.

Beliau dalam ucapannya turut memohon kerjasama persatuan untuk menurunkan ilmu kemahiran kraf tangan mereka generasi muda.

Oleh kerana persatuan amat dikenali di Miri katanya, ia dapat membantu penduduk Miri mempelajari dan membantu melestarikan kesenian kraf tangan tradisional mereka.

"Generasi muda perlu mengekalkan warisan ini, jika tidak mereka tidak akan tahu dan menghargai keunikan kraf tangan mereka sendiri, terutamanya yang buatan tangan.

"Ini kerana kebanyakan kraf hari ini adalah buatan mesin dan kraf buatan mesin ini tidak mempunyai keunikan dan nilai yang sama seperti yang dibuat dengan tangan," jelas beliau.

Leong yakin, kraf tangan yang unik dan cantik boleh dijual di dalam mahupun luar negara sekaligus memperoleh pendapatan tambahan.

Mereka boleh terlibat dalam e-dagang dengan menjual barangan karangan secara dalam talian melalui Shopee, Lazada dan sebagainya.

Majlis diserikan dengan persembahan tarian tradisional, nyanyian dan pertandingan pakaian tradisional.

Hadir sama Pengerusi PWOUM Kijan Toynbee.



**RAI BERSAMA:** (Dari lapan kanan) Leong, Kijan bersama tetamu kehormat dan ahli jawatankuasa mengibarkan bendera sempena Hari Kemerdekaan Sarawak pada majlis di Eastwood, malam kelmarin.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SAR LELAKI WARGA EMAS OKU DIKHUATIRI LEMAS DITANGGUH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**TINJAU: Anggota bomba memeriksa keadaan air sungai dan mendapati arus sungai deras sangat berbahaya untuk menjalankan operasi SAR.**

# SAR lelaki warga emas OKU dikhuatiri lemas ditangguh

**MIRI:** Operasi mencari dan menyelamat (SAR) seorang lelaki warga emas kurang upaya (OKU) hilang dikhuatiri lemas di Sungai Tutoh, Hulu Sungai Baram yang masuk hari keempat semalam terpaksa ditangguhkan berikutan keadaan cuaca tidak mengizinkan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Marudi Maureen Sim berkata, beliau telah mengarahkan anggotanya menangguhkan dahulu operasi sehingga keadaan sungai didapati selamat untuk operasi SAR.

"Operasi tidak dapat dijalankan pagi ini (semalam) kerana hujan lebat di bahagian hulu sungai pada malam kelmarin (Khamis) mengakibatkan paras sungai naik mengejut.

"Selain itu, arus sungai juga sangat deras dan tidak sesuai untuk perahu kecil," katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Maureen berkata, keadaan di lokasi juga didapati banyak kayu-kayu hanyut dari bahagian hulu sungai yang turut memaksa mereka menangguhkan sementara operasi tersebut.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SARAWAK DESTINASI KEDUA PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWKM@ADVOKSI ANTIGANGGUAN SEKSUAL | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 JUL 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**UNTUK ALBUM:** Peserta Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual di PCC Demak semalam merakamkan gambar bersama Nancy (duduk, tengah), Fatimah (duduk, tiga kiri) serta yang lain.
— Gambar Penerangan

# Sarawak destinasi kedua Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual

**KUCHING:** Sarawak merupakan destinasi kedua bagi Program Jerayawara Kasih KPWKM@ Advokasi Antigangguan Seksual yang berlangsung di Pusat Konvensyen Penview (PCC) di sini, semalam.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Dato Sri Nancy Shukri berkata, program itu telah dilancarkan pada 19 Mei lepas dan dilaksanakan di seluruh negara bermula di Pulau Pinang pada 6 Julai.

"Pelaksanaan program ini diharapkan agar dapat mencapai objektifnya, pertama memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai gangguan seksual.

"Kedua, menyebarluaskan pemakaian garis panduan dan notis antigangguan seksual kepada semua lapisan masyarakat dan ketiga menyampaikan maklumat berkenaan bantuan dan perkhidmatan psikologi yang disediakan KPWKM terutama dalam menangani gangguan seksual.

"Keempat, menjalinkan kolaboratif strategik dengan semua pihak bagi meningkatkan pencegahan dan kesedaran gangguan seksual," katanya dalam ucaptama sempena perasmian program itu semalam.

Ujar Nancy lagi, pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual ini juga adalah selaras dengan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Akta ini katanya, mewajibkan majikan untuk mempamerkan notis mengenai gangguan seksual di tempat kerja masing-masing.

Justeru KPWKM katanya, telah membangunkan notis antigangguan seksual yang boleh dimuat turun melalui kod QR dan laman sesawang Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk dipaparkan di setiap organisasi termasuk premis awam dan swasta.

Nancy dalam pada itu berharap seluruh masyarakat akan bekerjasama agar kes gangguan seksual ini dapat dibendung.

Dalam pada itu, antara pengisian program ialah advokasi antigangguan seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita, perkongsian berhubung pengendalian kes gangguan seksual oleh Polis Diraja Malaysia dan advokasi undang-undang di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Turut diadakan pameran oleh pelbagai agensi kerajaan, jualan produk tempatan, ujian saringan kanser wanita dan klinik kaunseling keluarga.

Hadir sama Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Dato Sri Fatimah Abdullah.